kawan-kawan dan guru pulakurang memberikan perhatian kepada mereka. Banyak kajian dan kempen pemakanan sihat telah dijalankan namun permasalahan pemakanan ini masih merupakan satu masalah yang belum dapat diatasi sepenuhnya. Selain daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia juga amat prihatin dalam menangani permasalahan ini. Program Rancangan Makanan Tambahan Sekolah (RMTS) yang mula diperkenalkan ke seluruh sekolah rendah di Malaysia bermula dari tahun 1979 dan diikuti Program Susu Sekolah yang mula diperkenalkan pada tahun 1989 adalah antara program yang dijalankan bagi meminimumkan masalah tersebut dan yang terkini pada tahun 2018 diperkenalkan program sarapan pagi disetiap sekolah. Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) III, 2016-2025 juga ada menekankan mengenai pemakanan sihat dan kehidupan aktif di peringkat prasekolah hingga ke Universiti.

Penyakit yang wujud dalam masyarakat sekarang adalah kerana manusia tidak mengikut peraturan yang telah disusun oleh Allah SWT dan mengikut Sunnah yang telah diajarkan oleh Rasulullah SAW. Ia berlaku akibat kelalaian dan kealpaan manusia itu sendiri kerana tidak menjaga keseimbangan dalam hidup. Keseimbangan adalah penting untuk kita mengekalkan kesihatan yang optimum. Namun, disebabkan kegagalan inilah menyebabkan mereka mendapat pelbagai penyakit. Sepertimana yang termaktub dalam surah ar- Ruum ayat 41 di mana Allah mengingatkan kita bahawa kerosakan di muka bumi ini adalah akibat daripada perbuatan manusia itu sendiri dan mereka perlu bertanggungjawab dan merasakan akibat daripada perbuatan tersebut.

Sehingga kini masih kurang kajian-kajian yang cuba menganalisis kekerapan, kandungan nutrient dan faktor-faktor yang mempengaruhi pengambilan makanan oleh



pelajar sekolah khasnya dikalangan multicultural masyarakat majmuk di Malaysia. Justeru itu, semua pihak haruslah dapat memainkan peranan masing-masing dalam menjaga kesihatan pelajar dan ibu bapa perlulah mendidik anak mereka untuk sentiasa mengamalkan pemakanan sihat dan mengelakkan diri dari mengambil makanan yang tidak berkhasiat. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan satu Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah.

Model ini merupakan suatu pendekatan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan berasaskan pengetahuan konsep gaya hidup sihat, pengalaman dalam menyedia pemakanan seimbang sedia ada yang dimiliki oleh pelajar, bersandarkan rujukan dan gaya prestasi pelajar untuk menjadikan proses pembelajaran dan pembelajaran lebih relevan dan berkesan kepada mereka. Meskipun banyak kajian dan penulisan kritikal terhadap pendekatan modul pemakanan telah dijalankan namun kajian-kajian ini lebih kepada kupasan teoritikal dan kajian yang menjurus dalam bidang pemakanan seimbang yang disediakan dari pelbagai budaya bangsa Melayu, Cina dan India. Kajian terhadap pendekatan Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah masih kurang dan memerlukan banyak kajian yang mendalam.

1.2 Latar Belakang Masalah

Peringkat remaja adalah merupakan tempoh mereka mengalami pertumbuhan yang pesat, pembangunan personaliti diri dan peralihan kematangan fikiran dari zaman



kanak-kanak ke alam dewasa dan peralihan fizikal, biokimia, psikologi dan sosial (Baysal, 2002). Terdapat pelbagai pendapat tentang ciri-ciri asas tempoh remaja dan had usia. Menurut definisi Pertubuhan Kesihatan Sedunia, tempoh remaja termasuk yang berumur antara 10 dan 19 (Baltaci et al., 2008). Dalam tempoh ini, selain perubahan psikologi dan fizikal penting diperhatikan, pemakanan juga adalah salah satu isu penting yang diperhatikan secara serius. Kesihatan merupakan salah satu keperluan paling penting dalam masyarakat yang akan menentukan peningkatan, keamanan, dan pembangunan masyarakat. Ia adalah satu fakta yang diterima oleh hampir semua orang hari ini bahawa pemakanan yang mencukupi dan seimbang merupakan asas kesihatan. Takrif pemakanan yang mencukupi dan seimbang ditakrifkan sebagai pengambilan yang cukup bagi setiap nutrien yang diperlukan dan penggunaan yang betul bagi setiap kelas makanan untuk pertumbuhan, pemulihan, dan fungsi badan (Baysal, 2002).

Keadaan semasa menunjukkan bahawa kebanyakan penyakit merbahaya berlaku akibat daripada amalan gaya hidup yang tidak sihat. Ribuan rakyat Malaysia mengamalkan cara hidup yang tidak sihat sejak kecil lagi. Ramai di kalangan generasi muda hari ini terutama remaja tidak mengambil berat tentang kepentingan mengambil sarapan pagi. Mereka meninggalkan sarapan pagi dengan pelbagai alasan seperti tiada selera makan pada waktu pagi dan tidak sempat untuk menyediakan sarapan pagi (Rina, 2022).

Namun begitu, kajian sains di seluruh dunia telah membuktikan bahawa sarapan pagi adalah penting untuk kita. Sarapan merupakan makanan untuk otak. Otak kita akan menjadi lebih cergas, peka, dan fokus dengan bersarapan secara tetap. Individu yang mengambil sarapan yang kaya dengan karbohidrat kompleks membolehkan mereka



menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan menyelesaikan masalah dengan lebih baik. Hal ini demikian kerana karbohidrat yang diambil pada waktu pagi akan merangsang paras glukos dan mikro nutrien dalam otak (Koo, H.C.et al.2016).

Selain daripada itu, amalan gaya hidup moden merupakan salah satu faktor yang menunjangi masalah ini. Pada zaman millennia yang serba canggih dan pantas kini, semua orang terlalu sibuk dengan hal dan kerjaya masing-masing hingga mengabaikan pengambilan pemakanan seimbang dalam kehidupan seharian mereka. Mereka lebih gemar mengambil makanan segera dan tidak berkhasiat seperti mi segera, minuman berkarbonat, burger dan sebagainya. Saintis di seluruh dunia mendapati bahawa makanan-makanan tersebut tidak dapat menampung keperluan zat yang diperlukan oleh badan. Tambahan pula, ia turut menjadi punca utama kepada penyakit kronik seperti



Tempoh zaman remaja ini bergantung kepada pembangunan fisiologi, banyak tabiat pemakanan yang tidak diingini sering diperhatikan seperti pilihan pemakanan yang salah dan aplikasi pemakanan yang tidak sihat serta beberapa jenis pemakanan yang menyebabkan obesiti, tenaga malnutrisi protein dan mineral serta vitamin yang tidak mencukupi. Kesan pemilihan makanan yang tidak sihat dan tabiat makan yang buruk dapat dilihat di seluruh dunia. Di mana-mana sahaja, terdapat sebilangan remaja yang mengalami masalah malnutrisi atau kekurangan zat makanan yang teruk. Sama ada terlebih atau kurang khasiat pemakanan. Perkara ini boleh menyebabkan penyakit yang mampu menjejaskan kualiti kehidupan mereka dan dalam kes-kes yang lebih teruk, mengancam nyawa (Nur Sakinah Mohamad, 2018).





Oleh itu, cara terbaik bagi mengatasi masalah penyakit-penyakit tersebut ialah pencegahan daripada peringkat awal. Keadaan itu memberi cabaran kepada pengamal perubatan untuk memberi rawatan terbaik dan pada masa yang sama, kesedaran terhadap pemakanan yang sihat dan seimbang perlu dipertingkatkan lagi dalam kalangan masyarakat.

Oleh yang demikian, kajian Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah adalah penting dan bertepatan dengan kehendak serta keperluan semasa. Pembangunan model aktiviti pengajaran dan pembelajaran ini akan memberi pendedahan kepada guru dan pelajar dengan cara penambahbaikan dan pemurnian kurikulum Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berpandukan model aktiviti pengajaran dan pembelajaran ini, guru boleh mengajar Pendidikan Jasmani dan Kesihatan sambil memasukkan elemen budaya pengambilan pemakanan terkini semasa mengajar pemakanan seimbang masyarakat yang majmuk di Malaysia. Dengan cara ini secara tidak langsung pelajar akan dapat mempelajari sesebuah menu pemakanan seimbang dalam bentuk yang komprehensif di mana ia mewakili semua kaum dalam konteks keperluan kalori, pemakanan berindeks Glisemik, bahantara mahupun isikandungan nutrisi yang digunakan oleh rakyat Malaysia.





1.3 Pernyataan Masalah

Dalam dunia yang dilingkari dengan kemajuan sains dan teknologi yang tidak pernah menemui titik noktah dalam perkembangannya, kita acapkali tersentak apabila dikejutkan isu pengabaian amalan pemakanan yang seimbang dalam kalangan masyarakat di negara kita khususnya golongan pelajar. Pelajar atau remaja terdedah kepada bahaya akibat budaya pemakanan tidak sihat dan pastinya mengancam kesihatan, bahkan memberi kesan kepada pemikiran pelajar. Kehendak remaja terhadap makanan akan mempengaruhi kesihatan diri. Ini akan menjadi masalah bagi remaja dalam pemilihan makanan dan amalan pengambilan yang tidak teratur seterusnya menyebabkan timbul tanda-tanda dan gejala penyakit yang tidak diingini. Banyak punca masalah kesihatan di seluruh dunia seperti penyakit jantung, kencing manis, beberapa jenis kanser, gout, arthritis dan sebagainya semuanya dapat dikesan melalui sejarah pengambilan makanan yang diamalkan sejak zaman kanak-kanak dan remaja lagi (Rapson, 2020).

Kekurangan nutrisi mungkin terjadi juga akibat makan terlalu sedikit atau terlalu banyak. Selain itu, pengambilan bahan makanan mengandungi lemak, gula dan garam yang tidak mencukupi juga menyebabkan kekurangan nutrisi. Pelajar yang mengamalkan tabiat pemakanan tidak seimbang berisiko tinggi mengalami pelbagai jenis kondisi kesihatan antaranya, osteoporosis, penyakit kardiovaskular yang disebabkan pengambilan lemak, gula dan garam yang berlebihan akan menyebabkan kadar kolesterol dan tekanan darah tinggi serta atherosclerosis. Kebanyakan pelajar yang membesar dengan tabiat pemakanan yang tidak sihat cenderung mengalami masalah psikologi yang membimbangkan seperti kegelisahan atau masalah



pembelajaran. Kekurangan nutrisi ini juga malangnya boleh mengakibatkan pelajar tidak mencapai kebolehan atau mengasah bakat mereka secara maksimum (MyHealthPortalKPM, 2019).

Dari segi pembelajaran kekurangan nutrisi boleh menyebabkan pelajar mengalami kekurangan tenaga untuk melakukan aktiviti di dalam dan luar kelas. Mereka juga tidak mempunyai ramai kawan akibat masalah tingkah laku mereka yang sangat merisaukan ibu bapa. Isu pelajar mudah hilang fokus, lemah dan mengantuk juga boleh disebabkan faktor pemakanan dimana pengambilan nutrisi berlebihan menyebabkan perut terpaksa bekerja lebih untuk menghadamkan makanan tersebut. Proses ini memerlukan banyak oksigen dan mengerah banyak tenaga ini menyebabkan pelajar mudah letih dan mengantuk semasa belajar. (MyHealthPortalKPM, 2019)

Diet yang keterlaluan pula akan menyebabkan pelajar lemah kerana apabila paras gula dalam darah menjadi rendah, pelajar akan menjadi lemah dan boleh menyebabkan mudah pitam dan pengsan. Dikalangan pelajar perempuan pula, anemia merupakan penyebab utama mereka berasa lemah. Ini kerana mereka akan kehilangan darah ketika datang haid. Biasanya tahap kesi (iron) dalam darah akan berkurang dan meletakkan mereka dalam keadaan berisiko. Sel darah merah sangat penting untuk membawa oksigen keseluruh organ. Lemah, sesak nafas, sering berdebar-debar adalah symptom anemia. Pengambilan pemakanan seimbang yang betul seperti daging merah dan kekacang dapat membantu meningkatkan iron dalam badan. (MyHealthPortalKPM, 2019).

Kekurangan air yang mengakibatkan dehidrasi juga mempengaruhi faktor pelajar lesu, lemah dan hilang fokus sepanjang proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung. Sebanyak 90% kandungan otak terdiri daripada air. Ketika proses pembelajaran neuron dan bahagian otak beroperasi dengan aktifnya. Kesannya, otak akan kehilangan banyak air dan oksigen. Antara kesan kehilangan air dan oksigen dalam otak adalah mengantuk, letih, tidak fokus dan tidak bertenaga. (MyHealthPortalKPM, 2019).

Merujuk kepada Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia (DPKM 2.0) laporan 27 July 2021, peningkatan masalah kesihatan berpunca daripada pemakanan, justeru itu DPKM 2.0 meningkatkan status pemakanan, mengurangkan prevalen penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan serta memperkukuh sekuriti makanan dan pemakanan.

DPKM 2.0 bakal menjadi rujukan utama untuk agenda pemakanan dapat diintegrasikan dalam penggubalan dasar serta pembangunan pelan-pelan tindakan negara. Hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2021 menyatakan masalah kegemukan obesiti dan penyakit kronik semakin meningkat mengikut julat kaum antaranya pada 2015 bagi kaum Melayu peningkatan 21.6%, kaum Cina 35.4%, kaum India 43%. Mana kala pada tahun 2019 peningkatan pendadak sebanyak 40.2 % bagi kaum Melayu, 28.5% bagi kaum Cina dan 31.3% bagi kaum India. Dapatan kajian Prof. Dr. Jose Gutierrez Marcos dari School of Life Warwick Universiti UK mengatakan bahawa pengambilan nutrisi yang masuk ke dalam tubuh dapat mengubah DNA dan perubahan tersebut akan diturunkan kepada keturunan. Perubahan yang terjadi merupakan perubahahn lingkungan DNA atau epigenetik. Beliau juga berpendapat bahawa kondisi setiap individu sangat dipengaruhi oleh genetik ibu dan bapa, termasuk dalam pola makanan. Pola makanan ibu bapa merupakan satu faktor yang turut mempengaruhi

kondisi genetik keturunan yang dihasilkan. Berdasarkan kajian-kajian diatas amatlah wajar untuk Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan memberi tumpuan kepada pemilihan jenis-jenis makanan seimbang mengikut kebudayaan pelbagai kaum di Malaysia dan menerapkan didalam kurikulum sekolah agar dapat membantu masyarakat untuk mengelakkan dan mengawal penyakit berjangkit yang boleh diwarisi mengikut generasi yang mempunyai daripada pengambilan makanan tidak seimbang.

Merujuk kepada Dokumentasi Standard Kurikulum dan Pentaksiran sekolah rendah dan menengah (2019) kurikulum sedia ada terutamanya dalam komponen pemakanan seimbang hanya memfokuskan kepada asas pemakanan seimbang sahaja. Oleh yang demikian, amatlah wajar untuk memberikan peluang yang sama adil kepada setiap individu pelajar bagi mempelajari dan menerokai kepelbagaian pemakanan seimbang ini yang mampu meningkatkan tahap prestasi pencapaian akademik yang lebih fokus dan juga mampu meningkatkan tahap kecergasan fizikal pelajar. Ini juga turut menyumbang kepada peningkatan dan kualiti aspek JERIS (Jasmani, Emosi, Rohani, Insaniah dan Sosial) seperti mana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Menurut Rina dan Faridah 2022, pengetahuan mengenai asas nutrisi pemakanan amat penting untuk dikuasai oleh guru bermula dari prasekolah bagi menyokong persekitaran yang sihat untuk kanak-kanak bermula lagi di peringkat prasekolah. Kajian tersebut bertujuan mengukur tahap pengetahuan guru prasekolah daerah Keningau mengenai asas nutrisi pemakanan di prasekolah. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan skor pengetahuan guru dalam asas nutrisi pemakanan berada pada tahap sederhana dan didapati bahawa guru-guru kurang menguasai piramid



makanan. Maka dengan itu, hasil daripada perbincangan kajian tersebut, cadangan intervensi masa depan ialah dengan memberikan latihan, sumber, atau melaksanakan sebarang perubahan polisi yang khusus terhadap jurang pengetahuan dalam nutrisi pemakanan untuk membantu guru prasekolah meningkatkan kemahiran dan keyakinan bagi menyokong tabiat pemakanan yang sihat dan seimbang dalam kalangan kanak-kanak seawal usia.

Selain itu wujud keterbatasan dari aspek bahan-bahan rujukan seperti buku dan artikel yang menulis tentang pemakanan seimbang di Malaysia yang mampu membantu meningkatkan prestasi akademik dan kecergasan fizikal pelajar mengakibatkan kurangnya pengetahuan dan kesedaran terhadap amalan pemakanan seimbang dikalangan mereka. Ini menyebabkan kesukaran bagi semua lapisan masyarakat untuk mempelajari serta memahami intipati amalan pemakanan seimbang masyarakat di Malaysia. Adalah amat mustahak bagi kita untuk memiliki bahan-bahan rujukan mengenai amalan budaya dan pemakanan seimbang untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran terutamanya bagi generasi muda agar mereka memiliki pengetahuan tentang pemakanan seimbang yang mampu membantu meningkatkan prestasi akademik dan kecergasan fizikal mereka.

Menurut Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim (2021) jelaslah bahawa, penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, iaitu dari segi aplikasi multimedia interaktif dapat menjana pelbagai pengetahuan berdasarkan konsep maklumat di hujung jari banyak membantu guru-guru dan pelajar meningkatkan kefahaman dan ilmu pengetahuan serta membantu mereka proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik. Aplikasi multimedia interaktif seperti CD interaktif, YouTube, laman





sesawang dan sebagainya bukan sahaja membantu pelajar menikmati dan mengapresiasi perkembangan proses pembelajaran, malah dapat melahirkan insan yang sentiasa berusaha mengatasi pelbagai masalah dalam bidang pendidikan abad ke-21 yang semakin mencabar. Berdasarkan situasi tersebut, maka tidak hairanlah jika pihak tertentu mengambil inisiatif membantu perkembangan kognitif pelajar selain memudahkan para guru menyampaikan kandungan sukatan pelajaran dengan menarik dan berkesan, contohnya melalui usaha pihak Astro memperkenalkan Program Astro Tutor TV yang merangkumi tiga modul, iaitu Astro Tutor TV UPSR, Astro Tutor TV PT3 dan Astro Tutor TV SPM. Sejalan dengan keperluan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) masa kini, maka kajian ini juga dilakukan untuk mengetengahkan kepentingan penggunaan multimedia interaktif dalam konteks sistem pendidikan, dengan pengkhususan kepada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Melalui kajian ini, guru-guru dapat mengambil inisiatif dengan mempelbagaikan bahan, strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil kira kepentingan multimedia interaktif untuk menyampaikan sukatan pelajaran secara berkesan kepada pelajar, sekali gus dapat membantu mempertingkatkan pencapaian pelajar selain melahirkan pelajar yang berpengatahuan luas dan celik teknologi. Hal ini sejajar dengan pendapat Hanifah Mahat, Satryani Arshad, Yazid Salleh, Kadaruddin Aiyub, Mohmadisa Hashim dan Nasir Nayan (2020) yang menyatakan bahawa perubahan dan teknik strategi pengajaran dan pembelajaran dalam bahan bantu mengajar (BBM), merupakan salah satu langkah penting dalam penyampaian ilmu yang berkesan.



1.4 Tujuan Kajian

Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah ini tertumpu pada kepada guru-guru dan pelajar peringkat menengah bagi membantu mereka meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman tentang Piramid Makanan, Nutrisi Berindek Glisemik dan juga isu-isu semasa berkaitan konsep gaya hidup sihat berasaskan pemakanan seimbang. Selain daripada itu ianya juga dapat membantu guru-guru dan pelajar sekolah menengah mempelajari dan mempraktikan kemahiran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran pemakanan seimbang lebih efisien, komprehensif, berinovasi serta meningkatkan kemahiran dan keyakinan bagi menyokong tabiat pemakanan seimbang yang lebih mudah, ringkas dan sihat dalam kalangan pelajar

1.5 Objektif Kajian

Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Menenal pasti keperluan yang berkaitan dengan Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah berdasarkan kepada pandangan guru.
- (ii) Menghasilkan Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah

berdasarkan kepada pandangan dan pemerhatian pakar dalam konteks pelajar.

- (iii) Menilai kebolegunaan Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Pelajar Sekolah Menengah berdasarkan kepada pandangan dan keputusan pakar.

1.6 Soalan Kajian

1.6.1 Fasa 1: Analisis Keperluan

1. Apakah keperluan kandungan yang diperlukan dalam membina Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah berdasarkan kepada pandangan guru?
2. Apakah perlu dibina satu Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah berdasarkan kepada pandangan guru?
3. Adakah faktor pemakanan seimbang berindeks Glisemik Tinggi dan Glisemik Rendah serta keperluan kalori sesuai digunakan dalam Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah berdasarkan kepada pandangan guru?

1.6.2 Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan Model

1. Apakah kesepakatan pandangan pakar tentang elemen aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang perlu ada dalam Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah?
2. Apakah hubungan antara elemen aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang perlu ada dalam Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah?
3. Bagaimanakah elemen aktiviti pengajaran dan pembelajaran boleh diklasifikasikan untuk menginterpretasi Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah?

1.6.3 Fasa 3: Penilaian Model

1. Apakah persetujuan pakar terhadap elemen kepelbagaian aktiviti yang perlu ada dalam Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah?
2. Apakah persetujuan pakar terhadap klasifikasi elemen kepelbagaian aktiviti berdasarkan kepada 4 faktor (keperluan nutrisi, keperluan kalori, pemakanan berindeks Glisemik, teknologi penyediaan makanan dan fungsi makanan) seperti yang dicadangkan dalam Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan

Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah?

3. Apakah persetujuan pakar terhadap hubungan antara elemen kepelbagaian aktiviti yang dicadangkan dalam Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah?
4. Apakah persetujuan pakar terhadap kebolegunaan Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah?

1.7 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini penting kerana dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pelbagai pihak dari segenap lapisan yang terlibat dalam industri pendidikan seperti Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan; Jurulatih Sukan, para pelajar; Pusat Pendidikan Kurikulum (PKK); Pusat Kegiatan Guru (PKG); Institusi Perguruan; Fakulti Pendidikan di universiti tempatan dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Bagi pihak Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Pembangunan Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kurikulum Pemakanan Seimbang Bagi Pelajar Sekolah Menengah akan dapat dijadikan landasan rujukan dalam mengembangkan pendekatan pengajaran yang efektif dan mesra dikalangan masyarakat di Malaysia. Selain mempelbagaikan aktiviti pembelajaran yang lebih menarik dan kreatif berteraskan kepada elemen komponen pemakanan seimbang multikultural.



Hakikatnya model ini juga mempunyai peranan seperti serampang dua mata terhadap pelajar. Di samping memberikan pengetahuan tentang elemen komponen pemakanan seimbang multikultural. Ianya juga dapat membantu memupuk integrasi, sensitiviti serta toleransi sesama pelajar yang datang dari berbilang bangsa dan budaya.

Pembangunan model ini turut berkepentingan terhadap Pusat Perkembangan Kurikulum (PKK) dalam membantu proses penambahbaikan kurikulum Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan terutama dari segi tajuk gaya hidup sihat dan pemakanan seimbang yang akan memanfaatkan perkongsian ilmu pengetahuan berkaitan elemen komponen pemakanan seimbang dan memberi impak yang penting pada JERIS seperti mana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Selain itu model ini juga boleh dimanfaatkan oleh Pusat Kegiatan Guru (PKG), Institusi Perguruan dan Fakulti Pendidikan di universiti tempatan dalam usaha memberi pendedahan awal kepada bakal-bakal guru. Diharapkan kajian ini juga dapat memberi ilham kepada pengkaji yang lebih mendalam seperti penghasilan bahan pengajaran, latihan perguruan dan pembangunan profesionalisma guru yang lebih prihatin terhadap peningkatan prestasi akademik dan kecergasan fizikal pelajar dari segi pemakanan seimbang.

Di Malaysia pakar-pakar kurikulum telah mula membuat dan membangunkan model-model yang cuba membantu para pendidik dalam memudahkan teknik pengajaran dan pembelajaran, ada juga model yang dibina bagi membentuk kurikulum pendidikan yang sesuai bagi sistem pendidikan masa kini. Antaranya Model Aktiviti Penggunaan Lagu Kanak-kanak Melayu Traditional Untuk Peningkatan Imaginasi-Kreatif Prasekolah hasil penyelidikan Dr. Azli Ariffin (2017) yang membantu dan memudahkan pelaksanaan pembinaan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah.





Manakala Model Kandungan Kurikulum Pendidikan Keamanan Berasaskan Pelbagai Budaya Untuk Kanak-Kanak Prasekolah yang telah dibangunkan oleh Dr. Noor Amy Afiza Mohd Yusof (2018) adalah menjadi titik permulaan dan garis panduan dalam penerapan. Selain daripada itu Dr. Mohd Nazri Abdul Rahman (2014) telah membangunkan model *Homeschooling* berasaskan nilai dan amalan masyarakat bagi kanak-kanak Orang Asli. Pembinaan model ini menterjemahkan bagaimana aktiviti pembelajaran *Homeschooling* berasaskan nilai dan amalan masyarakat Orang Asli boleh digunakan dalam menyokong pendidikan pembelajaran bagi kanak-kanak Orang Asli sebagai satu bentuk pendidikan alternatif yang diiktiraf oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kepentingan kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini juga diharapkan dapat membantu pelajar mendapat pengetahuan tentang corak serta amalan pemakanan yang sihat dan betul. Di samping itu, diharapkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan amalan pemakanan seimbang dapat dipertingkatkan. Selain daripada pelajar, kajian ini juga diharapkan dapat memberi panduan kepada ibu bapa untuk menyediakan makanan yang seimbang kepada keluarga dan anak-anak dan dapat mendidik anak-anak dari rumah cara pemakanan yang sihat dan dengan didikan awal dari rumah ini diharapkan dapat diaplikasikan apabila berada di luar rumah terutamanya di sekolah.

Tambahan lagi, diharapkan para guru dan jurulatih juga memainkan peranan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar tentang kepentingan pemakanan seimbang supaya pelajar dapat membezakan makanan yang sihat dan berkualiti. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber maklumat kepada pengeluar, pasar raya dan media, katerer-katerer makanan, kafe dan




pengusaha restoran berkenaan kepentingan makanan sihat melalui produk pembangunan dan pengedaran bahan pengiklanan serta perlunya pihak-pihak ini menyediakan menu yang sihat dan seimbang kepada masyarakat khususnya pelajar.

Di samping itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia boleh menjadikan kajian ini sebagai salah satu input maklumat tentang corak amalan pemakanan pelajar samada seimbang atau sebaliknya. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia mengadakan tindakan susulan dan merangka strategi yang efektif atau membangunkan program berkaitan amalan pemakanan seimbang bertujuan membantu meningkatkan taraf pemakanan dan kesihatan para pelajar di seluruh negara. Model yang dibangunkan juga amat berguna membantu negara meningkatkan mutu qualiti prestasi atlet dan mampu melahirkan lebih ramai atlet yang bertaraf dunia.

1.8 Kerangka Teoritikal Kajian

Kerangka konsep kajian dibina bagi membantu penyelidik menjalankan kajian serta mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Penerangan secara terperinci mengenai kerangka kajian yang hendak dikaji ditunjukkan dalam **Rajah 1.1**.



Rajah 1.1. Penerangan Kerangka Konsep Kajian

Didalam kajian ini terdapat kerangka teoritikal dibina daripada teori utama pembelajaran. Antaranya ialah Teori Perkembangan Sosial Kognitif yang dikemukakan oleh Lev Semenivch Vygotsky (1896 – 1934), Teori Sosio Budaya dan Teori Modeling yang diperkenalkan oleh Albert Bandura (1963) dan Teori Piramid Makanan WHO (2020) memainkan peranan penting dalam menentukan keperluan nutrisi setiap pelajar. Teori tingkah laku terancang (*Theory of Planned Behaviour*, TPB) oleh Ajzen (2002) merupakan peluasan teori tindakan bersebab (*Theory of Reasoned Action*, TRA) oleh Fishbein dan Ajzen (1975). Kedua-dua teori ini dibezakan oleh satu pemboleh ubah iaitu faktor kawalan tingkiau laku individu yang diandaikan mempengaruhi gelagat



seseorang untuk bertindak atau membuat keputusan bagi mencapai matlamatnya (Ajzen, 2002).

Selain itu untuk memantapkan lagi proses pendekatan pengajaran yang mengintegrasikan elemen pelbagai budaya pemakanan seimbang dalam Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, pengkaji turut mengemukakan satu Model pengintegrasian dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dikemukakan oleh Thomas C. Hammond dan Meghan McGlinn Manfra (2009) dengan Model yang dikenali sebagai *The Giving-Making Model*. Model ini sebenarnya merupakan satu Model yang dibina bagi proses pengintegrasian teknologi dalam pendidikan namun pengkaji merasakan bahawa model ini juga boleh disesuaikan untuk mengintegrasikan elemen komponen pemakanan seimbang multikultural dalam Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Manakala tranfomasi dalam pembentukan pengetahuan dan pemupukan kesedaran terhadap elemen pemakanan seimbang multikultural masyarakat di Malaysia akan dilaksanakan menerusi proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan yang didasari oleh Portal MyHEALTH yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2019. Pengkaji juga merujuk kepada Model Pembelajaran David Kolb (1984) menjelaskan bahawa pembelajaran melibatkan pengambilalihan konsep abstrak yang boleh diaplikasikan secara fleksibel berdasarkan kepada situasi tertentu. Menurut teori Kolb, dorongan terhadap perkembangan sesuatu konsep yang baru adalah bersandarkan kepada pengalaman yang baru serta Model Perkembangan Kurikulum Taba yang lebih memberikan peranan guru sebagai teras utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran para pelajar.



1.9 Definisi Istilah

Penyelidik telah mendefinisikan beberapa istilah mengikut konteks kajian yang dijalankan dengan melibatkan definisi istilah dan operasional. Ini adalah seperti yang dinyatakan Marican (2005) di mana definisi operasi menghubungkan konsep kepada sesuatu yang boleh diperhatikan dan dinyatakan dalam bentuk yang boleh diukur dan dimanipulasi. Secara definisi mengikut konteks kajian adalah seperti berikut:

1.9.1 Model Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran

Model aktiviti pengajaran dan pembelajaran ialah satu unit model seolah-olah mewakili satu set pakej pengajaran yang lengkap meliputi satu unit konsep atau mata pelajaran (Husen & Postlethwaite, 1985).

Menurut kamus Cambridge (2020), pendidikan diterangkan sebagai proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran adalah konsep yang menunjukkan bahawa seorang guru memberikan pengetahuan tentang sesuatu kepada seseorang. Dengan maksud lain, istilah pengajaran menunjukkan usaha guru tentang memberi pengetahuan kepada seseorang. Walaupun aktiviti pengajaran berhasrat untuk memberi pencerahan, membangkitkan semangat, dan mengajar pelajar, proses ini tidak memastikan bahawa pelajar memperoleh pengetahuan yang diberikan. Seorang guru boleh membuat usaha terbaiknya untuk memberitahu dan melatih seseorang tanpa mencapai ini (Razelan, 2020). Walau bagaimanapun, pembelajaran adalah aspek pendidikan yang lain yang menumpukan kepada apa yang diperoleh oleh pelajar. Pembelajaran memerlukan

pengetahuan dan kemahiran tertentu dengan pemahaman tentang sesetengah prinsip, seperti sebab 'mengapa' sesuatu perkara terjadi (Razelan, 2020). Menurut beliau lagi, pendidikan bukan satu proses yang hanya memberi peluang untuk memiliki pengetahuan, tetapi juga memerlukan pemahaman kualifikasi konseptual.

1.9.2 Pemakanan Seimbang

Pemakanan yang seimbang adalah makanan yang mengandungi kesemua nutrisi yang diperlukan untuk tubuh berfungsi dengan baik dalam kuantiti yang mencukupi. Noble, C. (2002) menyatakan bahawa makanan yang seimbang adalah makanan yang mengandungi zat-zat yang mencukupi untuk perkembangan fizikal dan mental individu. Selain itu, tenaga yang dibekalkan oleh makanan seimbang berkadaran dengan tenaga yang dikeluarkan oleh tubuh badan manusia semasa melakukan aktiviti harian. Bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, penyelidik akan menilai keseimbangan makanan yang diambil oleh pelajar berdasarkan piramid makanan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

1.9.3 Pelajar Sekolah Menengah

Kumpulan pelajar dalam peringkat umur ke atas berada di peringkat operasi menurut Piaget (1971) yang mana pada tahap ini mereka telah mampu membina pengetahuan baru di samping menghubungkan kaitkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada mereka serta memiliki pemikiran yang lebih abstrak, idealistic dan logik. Menurut teori

keaktiviti Lowenfeld edisi ke 4 (2015) pula, pada usia 14 tahun hingga 17 tahun merangkumi peringkat yang dikenali sebagai ‘masa penentuan’ atau The Period of Decision. Di peringkat ini pelajar sudah memiliki tahap pemikiran dan kemahiran kreativiti yang kritikal, ideal dan telah wujud kesedaran terhadap hubungan dalam kelompok masyarakat. Pada peringkat ini pelajar sudah boleh membuat pertimbangan yang realistik dan mampu untuk mengekspresikan diri, perasaan dan emosi mereka. Oleh yang demikian pelajar di peringkat menengah dirasakan amat bersesuaian untuk didedahkan dengan Model Aktiviti Pembelajaran Pemakanan Seimbang Pelbagai Budaya Bagi Pelajar Sekolah Menengah kerana teori-teori tersebut telah membuktikan kesediaan pelajar dalam mengadaptasi model ini.

Kurikulum didefinisikan sebagai satu pelan atau rancangan untuk tindakan atau satu dokumen yang mengandungi strategi untuk mencapai matlamat yang dikehendaki. Kurikulum ialah unsur budaya atau ilmu pengetahuan untuk memandu guru mengajar kumpulan pelajar tertentu. Menurut Aziyan Bakar (2020), kurikulum ditakrifkan sebagai dokumen yang mengandungi rancangan pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai objektif psikomotor, efektif dan kognitif bagi satu subjek. Kurikulum juga didefinisikan sebagai satu rancangan Pendidikan yang mengandungi segala ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan norma serta unsur kebudayaan dan kepercayaan yang diwariskan kepada masyarakat daripada generasi kepada generasi yang lain (Aziyan Bakar, 2020). Menurut Saedah Siraj (2020), kurikulum adalah perancangan kepada sesebuah program Pendidikan yang sistematik yang dijalankan oleh sesebuah



institusi yang mengandungi matlamat atau objektif, kandungan, implementasi dan penilaian dalam satu tempoh yang khusus. Dalam konteks kajian ini, kurikulum yang dilihat adalah dari aspek kandungan sahaja. Kandungan kurikulum yang dibina adalah berdasarkan pemakanan seimbang dan tahap pelajar sekolah menengah.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan pengambilan sampel dari sekolah harian di daerah Petaling Perdana sahaja. Hal ini dilakukan adalah untuk mendapatkan jumlah sampel yang boleh dipercayai agar data yang diperolehi adalah tepat dan sah. Sampel daripada semua sekolah ini menjadi generalisasi untuk semua pelajar sekolah daerah Petaling Perdana.

Kerjasama dan kejujuran daripada responden diharapkan supaya data yang diperolehi adalah relevan dan menepati objektif kajian ini.

Di samping itu, kajian ini menghadapi limitasi dari segi kekangan masa kerana dijalankan dalam tempoh masa yang terhad (dalam tempoh tertentu) dan perlu mengikut kalendar akademik sekolah. Kegagalan mengedarkan borang soal selidik dalam masa yang ditetapkan menyebabkan kelewatan dalam mendapatkan data yang diperlukan. Selain itu, penyelidikan ini juga mendapat kekangan dari segi kos. Sesuatu penyelidikan akan melibatkan kos pengangkutan, kos penyediaan kertas cadangan dan sebagainya. Memandangkan kajian berlangsung sepanjang pandemik Covid 19, segala urusan perbincangan, pengumpulan data berlangsung secara goggle meet dan goggle drive bagi mengelakan sebarang jangkitan atau kluster berlaku.



1.11 Rumusan

Dalam bab ini telah diuraikan dan dijelaskan perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian ini melalui pengenalan, latar belakang, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, kerangka teori kajian, definisi istilah dan batasan kajian. Seterusnya di bab 2 akan menjelaskan tentang sorotan kajian lampau dari segi teori-teori dan model-model yang berkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran pemakanan seimbang pelajar sekolah menengah.